



Ruj. Tuan :
Ruj Kami : JKPP B BP 127/863/1 (58)
Tarikh : 2 Februari 2010

Persatuan Mesin Angkat dan Kren Menara Malaysia
No. 18, Lorong 6A/91,
Taman Shamelin Perkasa,
56100 Kuala Lumpur.

Tuan,

SYARAT TAMBAHAN BERKENAAN KERJA-KERJA PEMASANGAN MESIN ANGGAT DAN KERIN MENARA.



Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan satu perbincangan telah diadakan di antara Persatuan Mesin Angkat dan Kren Menara Malaysia dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor (JKKP) pada 18 Januari 2010 (Isnin) di pejabat JKPP Selangor.

3. Sehubungan itu, beberapa keputusan telah dipersetujui bersama berkaitan syarat-syarat tambahan berkenaan kerja-kerja pemasangan mesin angkat dan kerin menara. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

- i) Kerja-kerja pemasangan asas tapak (foundation) perlu disertakan dokumen sokongan berikut:
 - a) Surat pengesahan daripada Jurutera Residen (Resident Engineer) yang mengesahkan bahawa kerja-kerja pemasangan tersebut mengikut kepada pengiraan dan lukisan kejuruteraan yang disahkan oleh Jurutera Bertauliah (Professional Engineer);
 - b) Gambar kerja-kerja penyediaan asas tapak (foundation preparation). Ianya hendaklah juga menunjukkan komponen-komponen yang terlibat;
 - c) Keputusan ujian konkrit;
- ii) Semua pemeriksaan bahagian kerin sebelum dipasang (Ground Inspection) perlu dijalankan di tapak di mana kerin dipasang.
- iii) Kerja-kerja pemasangan 'wall ties' memerlukan dokumen sokongan berikut:
 - a) Surat pengesahan struktur bangunan daripada Jurutera Residen (Resident Engineer), di mana 'wall ties' dipasang; dan
 - b) Surat pengesahan daripada Orang Yang Kompeten (Competent Person) berkaitan komponen dan kerja-kerja pemasangan 'wall ties' pada 'mast' kerin;
 - c) Pengiraan dan lukisan rekebentuk 'wall ties' yang telah dikeluarkan oleh Jurutera Bertauliah (Professional Engineer).

MA/KML

- iv) Sistem mengelak perlanggaran (anti-collision system) perlu dipasang kepada semua kerin dalam keadaan berikut:
 - a) Kedudukan kerin yang mempunyai pertindihan laluan;
 - b) Kedudukan kerin berada di kawasan yang dikelilingi bangunan atau penempatan seperti pejabat atau perumahan di mana dipercayai laluan kerin tersebut akan merentasi kawasan berikut.
- v) Pemasangan 'mast' yang bercampur-campur adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- vi) Ujian beban bagi kerin menara dijalankan perlulah menggunakan blok konkrit (concrete blok) mengikut beban yang ditetapkan. Beban ujian yang lain seperti 'reinforcement bar' adalah dilarang.

4. Segala arahan yang terkandung di dalam surat ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat ini dikeluarkan. Perhatian dan tindakan yang sewajarnya daripada pihak yang berkenaan amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Kerana Mu Malaysia Maju"

Saya yang menurut perintah,



(Ir. HAJI AMIR BIN HAJI YAHYA P.M.P.)
Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Selangor

s.k : **Machinery Resources Committee**
Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MBAM)
2-1 (1st Floor), Jalan 2-109E, Desa Business Park,
Taman Desa, Off Jalan Klang Lama,
58100 Kuala Lumpur.

